

Tindakan membuta tuli tidak naikkan imej Islam: PM

Daripada
Mohamad Man Jaafar

RABAT, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan rakyat Islam yang menyalurkan kemarahan dengan bertindak **se-cara** membuta tuli terhadap pihak yang menindas tidak semestinya menguntungkan dan menaikkan imej Islam.

Perdana Menteri berkata, golongan itu bertindak **tanpa memikir-**kan kesan dan balasan terhadap

orang Islam lain walaupun mereka sedar **apa** yang dilakukan tidak mendatangkan sebarang **hasil**.

Beliau berkata, **apa** yang penting kepada golongan **ini** ialah mereka dapat menyalurkan kemarahan mereka dan percaya penentangan mereka adalah jihad, **sama ada** kematian mereka adalah syahid atau **tidak**.

“Kita menyanjung keberanian mereka tetapi **apa** yang mereka **lakukan** tidak membantu Islam dan umatnya. **Apa** yang mereka lakukan

tidak menolong meningkatkan imej umat Islam.

“Sebaliknya, kesan yang dicapai adalah sebaliknya (**lebih buruk kepada** Islam),” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap **pada** sesi mesyuarat dan dialog dengan intelektual Islam, golongan pemikir dan ahli parlimen Maghribi di **sini**, petang ini.

Pertemuan dengan intelektual Islam, golongan pemikir dan ahli Parlimen Maghribi itu antara sebahagian

agenda dalam lawatan Dr Mahathir ke negara ini.

Perdana Menteri tiba di **sini** semalam bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan beberapa Menteri Kabinet dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke **Maghribi**.

Delegasi Dr Mahathir, termasuk kira-kira 100 ahli pemiagaan, juga akan melawat Libya **pada** 18 dan 19 April sebelum ke Bahrain (19-21 April).

Lawatan rasmi ke negara di utara

Afrika dan Asia **Barat** sebahagian usaha Malaysia mempertingkatkan kerjasama perdagangan dan hubungan dua hala dengan negara Islam di utara **Afrika** dan Asia **Barat**.

Dr Mahathir berkata, tindakan yang bersandarkan kemarahan itu tidak akan membawa kepada kegemilangan peradaban Islam atau kekuasaan Islam.

“Kita perlu melihat **pada** masa dulu dan sejarah kewujudan

LIHAT MUKA 2

Ambil iktibar perjuangan

DARI MUKA 1

masyarakat Islam sebagai panduan sehingga berjaya mewujudkan empayar Islam.

"Kita perlu mempelajari cabaran dihadapi Nabi Muhammad yang dipilih Allah sebagai pemimpin paling ulung dan pengubah kehidupan manusia. Nabi Muhammad harus dijadikan model oleh kita semua," katanya.

Beliau berkata, usaha Nabi untuk menyebarkan Islam tidak mudah dan terpaksa berhadapan pelbagai cabaran termasuk cuba dibunuh musuhnya.

"Bagaimanapun Nabi berjaya kerana baginda percaya kepada agama Islam dan peranannya sebagai penyampai agama Allah sehingga sanggup melalui cubaan dan penderi-

taan tetapi dengan penuh kesabaran.

"Nabi Muhammad juga tidak hanya berdoa tetapi sepanjang 23 tahun baginda bekerja keras dan selepas baginda meninggal dunia, baginda meletakkan Islam pada asas yang kukuh yang mana selepas 1400 tahun, terdapat 1.3 bilion manusia berpegang kepada Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika umat Islam ditindas dan kadangkala dikejar seperti binatang, ia bukannya kerana mereka beragama Islam.

"Ini berlaku kerana kita tidak mengambil iktibar kesusahan Nabi sebagai panduan terutama dalam menangani cabaran dan bagaimana untuk berjaya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri ber-

kata, ramai yang sering mengaitkan bahawa umat Islam itu bersaudara tetapi tidak berusaha membantu rakan seagama.

"Jika kita benar bersaudara, mengapa kita (umat Islam) terus bertelingkah ketika saudara seagama di Palestin terus dibunuh," katanya sambil menambah setiap kali ada cadangan bagi mengatasi sesuatu masalah, sukar bagi mencapai kesepakatan.

"Kita terus berpecah dan tidak akan mencapai perpaduan di kalangan saudara seagama," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, umat Islam awal adalah ahli intelek, pemikir, ahli sains, ahli matematik dan doktor.

"Bagaimanapun, hari ini selain mereka yang mempelajari Islam, hampir ti-

Nabi Muhammad: Dr Mahathir

dak ada cerdik pandai, ahli sains, matematik dan perubatan yang dihormati," katanya.

Pada masa ini, Dr Mahathir berkata, umat Islam hanya disuruh mempelajari Islam sehingga meninggalkan bidang pengetahuan lain.

"Ilmu lain dianggap sekular dan tidak akan membantu di akhirat. Ini menyebabkan umat Islam ketinggalan, tidak terpelajar dan tidak mampu menggunakan pakai pengetahuan moden dalam pentadbiran dan pembangunan negara Islam, terutama dalam metipertahankan umatnya.

"Apa yang dipelajari bukan ajaran Islam sebenar sebaliknya apa yang diajar adalah dalam perawakan atau bentuk dan bukan inti-

pati pengajaran Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, umat Islam sepatutnya perlu mempelajari bidang lain seperti sains dan kemahiran bagi membangunkan senjata moden dan tidak berpuas hati dengan membeli senjata barangan "second-hand".

Dr Mahathir juga berkata, umat Islam ketinggalan dalam revolusi perindustrian kerana pemikiran sempit golongan tertentu yang menganggapnya tidak penting, sekali gus menyebabkan negara Islam mundur.

Bagaimanapun, katanya, umat Islam tidak boleh ketinggalan dalam revolusi maklumat kerana jika ia berlaku, kemerdekaan yang dikecapi negara Islam akan turut terhakis.

"Globalisasi membawa maksud dunia tanpa sempadan dan kita tidak boleh lagi berlindung di sebalik sempadan lagi. Serangan terhadap umat Islam bukan lagi secara ketenteraan tetapi ekonomi," katanya.

Dr Mahathir berkata, sistem kewangan antarabangsa memberi kuasa kepada mereka yang mempunyai capaian kepada modal dan negara miskin tidak mampu menangani serangan ekonomi ini.

Beliau berkata, tujuannya menunjukkan masa depan yang agak maiap ini kerana sememangnya masa depan adalah tidak begitu meyakinkan.

"Kita hanya dapat mempertahankan diri kita jika pentadbiran ekonomi adalah baik dan untuk itu kita

perlu mempunyai kemahiran bagi mentadbir negara," katanya.

Hari ini kata Dr Mahathir, imej negara Islam jauh dari apa yang diwujudkan Nabi Muhammad.

"Walaupun dengan 1.3 bilion umat Islam di dunia, kita tidak mampu membuat sebarang benda untuk diri kita sendiri. Kita terus bergantung kepada orang lain.

"Jika ini mereka mahu (musuh Islam) boleh menghapuskan umat Islam dengan bom nuklear yang mereka miliki," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, perlunya negara Islam membangunkan dan melengkapkan diri sendiri dengan segala yang diperlukan supaya dihormati dunia dalam usaha meningkatkan imej Islam.